

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 26 SEPTEMBER 2022
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 8

'Kerajaan tumpu pemulihan ekonomi'

'Kerajaan tumpu pemulihan ekonomi negara'

Jeli: Bajet 2023 yang akan dibentangkan pada 7 Oktober depan, bakal memberi tumpuan kepada pemulihan ekonomi negara, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed.

Beliau menjelaskan, belanjawan setahun berkenaan antara lain meliputi rancangan jangka pendek dan sederhana bagi memenuhi keperluan transformasi ekonomi negara.

"Kita harus perkenalkan lang-

kah pembaharuan kerana sekiranya berterusan dengan cara lama, kita tidak akan berjaya. Transformasi ekonomi penting supaya kita lebih kukuh dan berdaya tahan menangani sebarang cabaran," katanya.

Persetujuan ekonomi kukuh

Bercakar pada sidang media selepas menyampaikan sumbangan kepada 64 pelajar cemerlang dari kawasan Parlimen Jeli, di sini semalam, Mustapa yang

jugalah Ahli Parlimen Jeli, berkata kerajaan memberi tumpuan utama kepada usaha menangani isu ekonomi.

Katanya, tumpuan dan usaha berkenaan bertujuan bagi memastikan ekonomi negara terus kukuh selepas pandemik COVID-19.

"Jika sebelum ini, tumpuan utama diberikan kepada aspek kesihatan COVID-19, namun selepas hampir selesai COVID-19, kita akan memberi tumpuan ke-

pada ekonomi.

"Kita mahu pastikan bagaimana inflasi dapat terus terkawal, bagaimana peluang pekerjaan terus diwujudkan dan Perusahaan Kecil Sederhana (PKS) terus dibantu. Ini keutamaan kita dan apa sahaja yang kurang, kita akan terus perbaiki," katanya.

Media sebelum ini melaporkan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang), Datuk Seri Wan

Junaidi Tuanku Jaafar, mengesahkan Bajet 2023 akan dibentangkan pada 7 Oktober depan, berbanding jadual asal pada 28 Oktober.

Sesi sidang Mesyuarat Ketiga Penggal Kelima Parlimen Ke-14 (2022) juga diawalkan ke 3 Oktober hingga 29 November bagi Dewan Rakyat (32 hari) dan 21 November hingga 7 Disember 2022 (11 hari) bagi Dewan Negara, dipercepatkan 23 hari daripada takwim asal.